



2023

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?



<https://sarawak.uitm.edu.my/index.php/uitm-mukah-bulletin>

HIGHLIGHTS:

Iftar Perdana Bersama TYT Sempena
Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak
Terima Kasih Mantan Penolong Rektor dan
Selamat Datang Penolong Rektor Baharu
Sukan Muhibah Staf 2023 UiTM Cawangan Sarawak
Rekod Kayuhan Sempena Sambutan Jubli Emas UiTM Cawangan Sarawak

TABLE OF CONTENT

From Rector's Desk	01
From Assistant Rector's Desk	02
Editors' Note	03
Editorial Board	04
Highlights	05
News and Articles	09
Creative Writing	64
Congratulations!	66
Press and Media Coverage	81

EDITORIAL BOARD

Professor Dato Dr. Hj. Jamil Hj. Jamali

Advisor

Associate Professor Dr. Abdul Razak Abdul Kadir

Managing Editor

En Mohamad Musa Bin Bohari

Chief Editor

En Yahutazi Bin Chik

Deputy Chief Editor

Editors :

Cik Siti Faridah Binti Kamaruddin

Pn Suffina Binti Long

Pn Nur Nadia Qausar Binti Juhari

Cik Stefanie Natasha Rich Joseph

En Shileyusken Mijen

Webmaster

Pn Irene Binti Seluroh

Layout & Design

En Mohamd Shafik Bin Mohd Samsi

Corporate and Communication Unit

Published By

Corporate and Communication Unit, UiTM Mukah

eISSN : 2976-257X

Published Date : 16 November 2023

NEWS AND ARTICLES

Projek Komuniti & Misi Akademik di Kompleks Kebajikan Anak-Anak Yatim Bintulu

Penulis: Ikhwān Naguib Jusoh

BINTULU: Tanggal 10 Jun 2023 telah berlangsung dengan jayanya Projek Komuniti anjuran Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Kuala (JPK SKL) bertempat di Kompleks Kebajikan Anak-Anak Yatim Bintulu. Program ini berlangsung selama sehari melibatkan 16 orang ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Kuala dan seorang penasihat program sebagai pegawai pengiring.



Antara objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada para pelajar mengenai kepentingan projek mendekati komuniti setempat dan menerapkan dalam diri pelajar yang terlibat dengan nilai-nilai murni serta mengasahi anak-anak yatim. Secara tidak langsung, ia dapat melahirkan para pelajar yang bukan sahaja cemerlang akademiknya bahkan cemerlang akhlak dan mempunyai budi pekerti yang tinggi.



Program dimulakan dengan sesi misi akademik yang mempromosikan program-program pengajian di UiTM Mukah kepada anak-anak yatim terutamanya yang akan menduduki peperiksaan besar tahun ini iaitu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Slot ini mendapat sambutan yang positif dan diharapkan UiTM Mukah nanti akan menjadi destinasi pilihan untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Selain itu, kutipan sumbangan ikhlas daripada warga kampus UiTM Mukah telah disampaikan oleh Encik Ikhwān Naguib bin Jusoh kepada wakil kepada pusat tersebut. Semoga sumbangan itu sedikit sebanyak dapat membantu dalam menjaga kebajikan anak-anak yatim di situ.

Program ini diselaras oleh Encik Ikhwān Naguib bin Jusoh sebagai Penasihat Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Kuala. Ucapan tahniah kepada ahli Jawatankuasa Perwakilan Kolej Seri Kuala atas penganjuran program yang bermanfaat ini. Diharap daripada pelaksanaan program seperti ini dapat diteruskan lagi untuk masa-masa yang akan datang.